

Termasuk 4 penyokong kuat Datuk Musa

# MT UMNO Iuluskan permohonan sembilan tokoh

KUALA LUMPUR, 3 Jun — Majlis Tertinggi (MT) UMNO telah meluluskan permohonan sembilan orang tokoh termasuk bekas Naib Yang Dipertua PAS, Haji Nakhaie Ahmad untuk menyertai parti itu, kata presiden-nya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun permohonan daripada ahli Parlimen Johor Baharu, Datuk Shahrir Samad ditangguhkan sehingga beliau memberikan penjelasan mengenai beberapa tindak tanduk dan kenyataannya.

“Oleh kerana perkara-perkara tertentu, kita belum memutuskan keahlian Datuk Shahrir. Kita akan minta penjelasan darinya tentang beberapa tindakan dan kenyataannya,” kata beliau.

Turut diterima keahlian masing-masing ialah empat orang penyokong kuat Datuk Musa Hitam iaitu Encik Tawfik Tun Dr. Ismail (ahli Parlimen Sungai Benut) dan dua orang ahli Dewan Undangan Negeri Encik Khadri Sabran (Endau), Haji Adam Abdul Hamid (Bandar Tenggara) serta calon bebas pilihanraya kecil Parit Raja, Haji Hamdan Yahya.

## Kategori pertama

Menurut Presiden UMNO itu, Encik Tawfik, Encik Khadri, Haji Adam dan seorang lagi pemohon, Encik Daud Tarihep diterima menjadi ahli dalam kategori pertama iaitu penyertaan sebelum 31 Mac 1989.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat majlis tersebut di ibu pejabat parti di sini hari ini, beliau memberitahu, kategori berkenaan membolehkan mereka mengambil bahagian dalam mesyuarat agung cawangan dan persidangan tahunan bahagian serta berhak memegang jawatan parti jika dipilih.

“Haji Hamdan yang diletakkan dalam kategori kedua (penyertaan selepas 31 Mac) bersama tiga orang lagi iaitu bekas Exco Pemuda UMNO, Haji Tajuddin Abdul Rahman, Encik Yusof Kassim dan Datuk Hajah Khatimah Ibrahim kerana kesemuanya diterima menjadi ahli secara rasmi mulai hari ini,” katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, keahlian Haji Nakhaie berkuatkuasa pada tarikh permohonannya iaitu pada 27 April lalu.

Menurutnya, MT UMNO bagaimanapun belum dapat memutuskan permohonan keahlian Haji Zain Ibrahim dan bekas Penasihat Undang-Undang PAS Haji Suhaimi Said kerana ia perlu dirujuk kepada bahagian masing-masing terlebih dahulu.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata, MT UMNO akan menghantar surat kepada Datuk Shahrir untuk mendapatkan penjelasan mengenai kenyataannya untuk mempejuangkan Semangat 46 dari dalam jika diterima menyertai semula UMNO.